

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR BULATAN KELIP-KELIP & MERCU
TANDA KAPAL, NIBONG TEBAL, SPS**

1 FEBRUARI 2016 (ISNIN), 8:00 MALAM

BULATAN DI JALAN SUNGAI DAUN, NIBONG TEBAL

.....
Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tn. Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Paduka Prof. Dr. Fng Ah Seng
Pengarah Urusan Epic Valley Holdings Sdn. Bhd.

Ketua-ketua Jabatan MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Perasmian Projek CSR Bulatan Kelip-Kelip & Mercu Tanda Kapal, Nibong Tebal pada hari ini.

Untuk makluman Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP telah melancarkan program CSR sejak bulan Jun 2011. Sejak dari tahun 2011, sebanyak 21 projek telah siap. Salah satu projek yang telah siap adalah Projek CSR Bulatan Jalan Sungai Daun Nibong Tebal ini. Projek ini adalah ditajakan oleh Syarikat Epic Valley Holding Sdn. Bhd. yang telah

menyatakan minatnya kepada YB Adun Jawi, YB Tuan Soon Lip Chee untuk menaiktaraf bulatan ini. Dalam projek ini, komponen-komponen yang dinaiktaraf adalah melibatkan perkara-perkara seperti berikut:-

a. Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Replika Kapal Sediada.

- i. Ruang kiri dan kanan bot sediada dinaikkan setinggi 2'
- ii. Jaring jenis BRC bersaiz 2" x 2"
- iii. Bulatan hiasan jenis bulat dikelilingi simen dan lampu jenis LED.
- iv. Tali pada kapal layar dan diletakkan lampu jenis LED
- v. Mengecat semula struktur kapal sediada
- vi. Tulisan Selamat Datang Ke Nibong tebal berbingkai besi "*stainless steel*" bersaiz 30" x 30"
- vii. Tapak konkrit 6" tebal untuk sokongan rekaan tulisan
- viii. Papan logo MPSP dari jenis "*arclink*"
- x. "*Spot light*" ke arah tulisan dan struktur kapal

b. Cadangan kerja-kerja menaiktaraf bulatan kelip-kelip sediada

- i. Mengecat semula dan diletakkan lampu jenis LED sekeliling
- ii. Logo dalam bentuk di dalam kotak '*show case*'
- iii. Rekabentuk keretapi besi jenis "*stainless steel*" dan dikeliling lampu jenis LED
- iv. Rekabentuk batu-bata dan kerja mengecat

Kos yang terlibat dalam projek ini adalah sebanyak RM 80 ribu (tidak termasuk kos kerja-kerja penyelenggaraan) dan tempoh penyelenggaraan selama 3 tahun. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Paduka Prof. Dr. Fng Ah Seng kerana sudi membantu Majlis mengindahkan bulatan di Pekan Nibong Tebal dan juga usaha YB Tuan Soon Lip Chee dalam mengindahkan Pekan Nibong Tebal.

Projek CSR yang akan dirasmikan sebentar lagi oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang ini melibatkan sebuah kawasan lapang yang dianggarkan berkeluasan 4745 m² dan berada di dalam rizab jalan selenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR). Cadangan ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan & Pengindahan Bil 11/2014 bertarikh 17 November 2014 dan telah diluluskan dalam Majlis Penuh ke-492 (Bil.6/2015) pada 26 Jun 2015.

Di kawasan lapang ini, terdapat struktur berbentuk replika kapal (anggaran keluasan kawasan ; 4745m²) yang telah dibina dan ianya tidak diselenggara dengan baik. Semakan MPSP mendapati ianya telah dibina dengan menggunakan peruntukan YB kawasan yang terdahulu namun tiada pihak yang mengambil tanggungjawab untuk menyelenggara struktur tersebut. Selain itu, turut dibina berhampiran kawasan lapang ini adalah struktur replika kelip-kelip yang dianggarkan berkeluasan 936m² yang juga telah dibina dengan menggunakan peruntukan YB kawasan yang terdahulu.

Struktur berbentuk kapal ini dipercayai telah dibina berdasarkan sejarah tempatan yang menggambarkan bahawa Pekan Nibong Tebal satu ketika dahulu berkembang melalui perdagangan dengan menggunakan sungai sebagai jaringan perhubungan. Manakala struktur replika kelip-kelip telah dibina bagi merekodkan bahawa wujudnya eko sistem kelip-kelip di sekitar Tanjung Berembang, SPS.

Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam menyahut inisiatif Kerajaan Negeri bagi mewujudkan Seberang Perai yang lebih bersih, indah, selamat dan sihat, program-program penghijauan akan diteruskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2016. Projek pengindahan landskap secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) akan turut dipergiatkan sepanjang tahun 2016 dimana sebanyak 32 buah lokasi telah dikenalpasti untuk tajaan mana-mana pihak swasta yang berminat. Lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut:

Bil	LOKASI YANG BELUM DI TAJA
Seberang Perai Utara (8 lokasi)	
1.	Pintu Masuk Bumbung Lima
2.	Pintu Masuk Kg. Selamat
3.	Pintu Masuk Ara Kuda
4.	Jalan Bagan Luar
5.	Taman Robina, Telok Air Tawar
6.	Pantai Kamloon
7.	Taman Rekreasi Padang Cempedak

8.	Bulatan Bandar Putra Bertam, Bertam
Seberang Perai Tengah (12 lokasi)	
1.	Bulatan Perusahaan Perai
2.	Bulatan Seberang Jaya, Seberang Jaya
3.	Bulatan Bukit Minyak A
4.	Pintu Masuk Machang Bubuk
5.	Jalan Baru Perai
6.	Taman Bandar Ampang Jajar
7.	Taman Semilang, Seberang Jaya
8.	Taman Rimba Cherok To' Kun
9.	Empangan Tasek Mengkuang
10.	Kolam Teratai, Taman Desa Damai
11.	Jalan Baru Perai (Retaining Wall berhadapan Megamall)
12.	Bulatan Bukit Minyak B, SPT
Seberang Perai Selatan (12 lokasi)	
1.	Pintu masuk Permatang Keling
2.	Pintu masuk Taman Sempadan
3.	Pintu masuk Sg. Hilir Kecil / Jln. Kg Besar
4.	Pintu masuk Jalan Relau
5.	Pintu masuk Jalan Tasek / Junjung
6.	Taman Rekreasi Ampang Jajar Krian
7.	Taman Rekreasi Sungai Sanglang
8.	Rezab jalan bermula dari pintu utama USM sehingga ke Ampang Jajar Kerian
9.	Pekan Nibong Tebal
10.	Tanah Lapang , Taman Bukit Panchor
11.	Pembahagi Tengah Jalan Utama Butterworth – Ipoh (Berhadapan Balai Polis Nibong Tebal)
12.	Tanah lapang (Taman Kejiranan Valdor, Jawi)

Saya menyeru kepada YB-YB dan pemaju-pemaju lain dapat menawarkan perkhidmatan 4P's (*Public-Private-People Partnership*) untuk mengambil lokasi-lokasi ini sebagai projek anak angkat masing-masing. Projek anak angkat ini boleh membantu mengindah dan menceriakan suasana Seberang

Perai. Jika terdapat mana-mana pemaju yang berminat, bolehlah berhubung dengan Jabatan Landskap MPSP.

Sebagai makluman semua, sebanyak 5 lokasi telah mempunyai penaja tetapi kerja-kerja pengindahan belum dilaksanakan lagi di tapak. Lokasi-lokasi tersebut adalah:

Bil.	Lokasi	Status
Seberang Perai Utara		
1.	Persimpangan Jalan Chain Ferry / Assumption	Penaja : PJD Eastern Sdn Bhd
2.	Rezab jalan hadapan kilang Professional Tools & Dies Sdn. Bhd	Penaja : Professional Tools & Dies Sdn. Bhd
Seberang Perai Tengah		
1.	Kolam Tadahan 1, bersebelahan bangunan MPSP, Bandar Perda	Penaja : Aseania Development Sdn. Bhd
Seberang Perai Selatan		
1.	Lorong Jawi Ria 3, Taman Jawi Ria.	<i>Penaja : IJM Land Berhad</i>
2.	Padang Taman Permainan Bukit Panchor, Mk.7, SPS	<i>Penaja : Tetuan Thriven Global Bhd (Dulu dikenali sebagai Bukit Panchor Dev. Sdn. Bhd.</i>

Untuk makluman semua, MPSP juga telah memperuntukan sebanyak RM 700 ribu bagi tujuan memaju, membersih dan memperelok am yang meliputi Projek Floria, Taman Rekreasi Awam (Pantai Robina, Taman Tunku, dan Tanah Lapang Taman Kejiranan Valdor, Jawi,) , *Pocket Park* di Padang Awam Tasek Gelugor, Tanah Lapang Taman Kota Permai dan Tanah Lapang Taman Desa Jawi. Disamping itu, MPSP juga telah memperuntukan RM 375 ribu untuk membekal dan memasang 18 set alat permainan dan RM 200 ribu untuk membekal dan pemasangan kemudahan alatan senaman (*outdoor gym*).

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin memohon semua hadirin untuk bersama-sama bekerjasama dengan MPSP menjaga kebersihan Pekan Nibong Tebal khususnya dan keseluruhan Seberang Perai amnya supaya lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat, dan lebih sihat.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.